

**DOKUMENTASI SENJATA TRADISIONAL MELAYU DI  
NEGERI-NEGERI PANTAI TIMUR**

**MUHAMMAD AKMAL BIN AZAKI**

**UNIVERSITI**

**MALAYSIA**

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**DENGAN KEPUJIAN 2022/2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**DOKUMENTASI SENJATA TRADISIONAL MELAYU DI NEGERI-NEGERI  
PANTAI TIMUR**

**Disediakan Oleh:**

**MUHAMMAD AKMAL BIN AZAKI**

Laporan projek akhir ini dijalankan sebagai syarat dalam memenuhi penganugerahan ijazah sarjana  
muda pengajian warisan dengan kepujian

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

**TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN**

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

\_\_\_\_\_



MUHAMMAD AKMAL BIN AZAKI

TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA

Tarikh: 22/2/23

Tarikh:

**TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA**  
 Penyerah Kenan  
 Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
 Universiti Malaysia Kelantan  
 16300 Bechoh, Kelantan

Nota\* Sekiranya tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dan setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran ilahi atas izin kurnianya dapat saya menyelesaikan projek penyelidikan dengan jayanya. Dengan kesempatan yang terluang ini saya berbesar hati untuk menghadiahka juatan terima kasih kepada Ts. Dr Mokhtaruddin bin Musa yang telah membantu saya dalam menyiapkan tugas ini. Segala teguran dan nasihat beliau telah menaikkan semangat saya untuk menyiapkan kajian ini.

Ribuan terima kasih juga di berikan kepada kedua ibubapa saya yang sentiasa mendoakan saya dan juga menjadi tunjang utama untuk saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Mereka sentiasa memberikan dorongan dan nasihat-nasihat yang membina semangat saya.

Ucapan ini juga ditujukan kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya yang banyak membantu saya bagi menyelesaikan kajian ini dengan jayanya. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini secara langsung dan tidak langsung. Segala bantuan yang telah mereka hулurkan amat saya hargai dan tanpa bantuan mereka kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan dengan sempurna.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
SENARAI KANDUNGAN	ii
SENARAI DIAGRAM	iv
SENARAI GAMBAR	v
SENARAI RAJAH	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	4
1.5 Objektif Kajian	5
1.6 Skop Kajian	5
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.7.1 Individu	7
1.7.2 Masyarakat	7
1.8 Struktur Laporan	8

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan	9
2.2 Jenis-jenis senjata tradisional melayu	9
2.3 Tukang Besi	9
2.4 Ciri-Ciri Senjata Tradisional	9
2.4.1 Keris	10
2.4.2 Kerambit	12
2.5 Kesimpulan	14

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	15
3.2 Reka Bentuk Kajian	15
3.2.1 kajian literature	15
3.2.2 Kaedah Kualitatif	16
3.3 Pengumpulan Data	16
3.3.1 Data primer	16
3.3.2 Data Primer Kajian Kualitatif	17
I. Lokasi kajian	17
II. Temu bual	17
3.3.3 Data Sekunder	17
I. Sumber Perpustakaan	18

II.    Buku	18
III.   Jurnal	18
IV.   Artikel	18
V.    Sumber Internet	19
3.4 Proses Kajian	19
3.5 Persampelan	19
3.5.1 Persampelan Kaedah Kualitatif	19
3.6 Instrument Kajian	21
I.    Kamera	21
II.   Perakam Suara	21
III.  Perakam Video	21
IV.   Buku Catatan	21
3.7 Analisis Data	22
3.8 Kesimpulan	22
<b>BAB 4: KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1 Pengenalan	24
4.2 Mengenalpasti senjata tradisional Melayu	25
4.2.1 Reka bentuk hulu senjata	25
4.2.1.1 Hulu keris	25
4.2.1.2 Hulu kerambit	26
4.2.1.3 Hulu Badik	28
4.2.2 Reka bentuk bilah senjata	28
4.2.2.1 Bilah keris	28

4.2.2.2 Bilah kerambit	33
4.2.2.3 Bilah badik	35
4.2.3 Reka bentuk sarung senjata	35
4.2.3.1 Sarung keris	35
4.2.3.2 Sarung kerambit	37
4.3 Ciri yang terdapat senjata tradisional	41
4.3.1 Hulu	41
4.3.2 Bilah	44
4.3.3 Sarung	45
4.4 Kajian soal selidik: pola demografi responden	47
Bahagian B: senjata dan keistimewaan	50
Bahagian c: penerimaan masyarakat terhadap senjata tradisional	56
4.5 kesimpulan	59
<b>BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	60
5.2 Rumusan	60
5.3 Cadangan	61
5.3.1 Kajian Akan Datang	61



## SENARAI GAMBAR

	<b>Halaman</b>
Gambar 1: Contoh senjata tradisional melayu iaitu keris	2
Gambar 2: Contoh senjata tradisional melayu iaitu tombak	2
Gambar 3: Contoh senjata tradisional melayu iaitu kerambit	2
Gambar 4: peta semenanjung Malaysia	6
Gambar 5: ciri-ciri yang terdapat pada keris	12
Gambar 6: bahagian-bahagian kerambit	13
Gambar 7 : proses melakukan lakaran hulu kerambit	27
Gambar 8: proses memotong besi tawar	29
Gambar 9: besi tawar disusun bertingkat	30
Gambar 10: proses ikat baja	31
Gambar 11: proses menghasilkan puting	32
Gambar 12: memastikan lok dalam keadaan selari	32
Gambar 13: proses menghasilkan bilah kerambit	34
Gambar 14: proses membuat sapir	36
Gambar 15: proses membuat batang serunai	37
Gambar 16: contoh hulu tajong	39

## SENARAI RAJAH

	HALAMAN
Rajah 1: Carta Alir Proses Kajian	20
Rajah 2: diagram ringkasan proses pembuatan keris	38
Rajah 3: diagram ringkasan proses pembuatan kerambit	39
Rajah 4: diagram ringkasan proses pembuatan badik	40
Rajah 5: bilangan responden berdasarkan jantina	44
Rajah 6: bilangan responden berdasarkan umur	45
Rajah 7: bilangan responden berdasarkan bangsa	46
Rajah 8: jumlah responden mengenali senjata tradisional Melayu	47
Rajah 9: jumlah responden yang mengenali jenis senjata tradisional	48
Rajah 10: jumlah responden yang mengetahui fungsi senjata	50
Rajah 11: jumlah responden yang mengetahui proses pembuatan senjata	51
Rajah 12: jumlah responden yang mengetahui bahan yang digunakan	52
Rajah 13: jumlah penerimaan masyarakat tentang mewarisi ilmu pembuatan	53
Rajah 14: jumlah responden yang minat mempelajari ilmu pembuatan	54
Rajah 15: cara untuk menarik minat generasi muda	55

## ABSTRAK

Senjata tradisional Melayu merupakan salah satu warisan Melayu yang paling menonjol hasil daripada kemajuan teknologi terhebat dalam tamadun Melayu lama. Ia bukan hanya berfungsi sebagai senjata, ia juga melambangkan kedaulatan, maruah dan status sosial sekali gus menjadikannya antara harta yang paling diingini untuk dimiliki oleh orang Melayu. Sebagai contoh keris merupakan lambang kedaulatan orang Melayu. Ia juga merupakan simbolik bagi kebesaran pemimpin-pemimpin seperti raja dan sultan. Senjata juga bukan hanya untuk mempertahankan diri, namun dia juga sering digunakan dalam seni mempertahankan diri seperti silat. Namun, generasi kini tidak lagi tahu cara penghasilan senjata tradisional melayu dan mereka tidak didedahkan dengan cara pembuatannya. Objektif kajian ini ialah untuk mengenalpasti jenis-jenis senjata tradisional Melayu di Pantai Timur dan menganalisis ciri-ciri yang terdapat pada senjata tersebut. Kaedah untuk mendapatkan maklumat pula dilakukan dengan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kuantitatif. Akhir sekali, kajian ini amat penting bagi generasi akan datang bagi mengenal senjata tradisional dan kajian ini juga boleh dijadikan panduan bagi mendapatkan maklumat dan bahan ilmiah bagi semua golongan masyarakat dan dapat mengetahui reka bentuk senjata tradisional Melayu dan juga ciri-ciri keistimewaan yang terdapat pada senjata tersebut. Kesimpulannya setiap senjata mempunyai reka bentuk dan ciri keistimewaan yang tersendiri sebagai contoh hulu keris mempunyai motif iaitu motif jawa demam.



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN

## ABSTRACT

Traditional Malay weapons are one of the most prominent Malay heritages as a result of the greatest technological advances in the old Malay civilization. Not only does it function as a weapon, it also symbolizes sovereignty, dignity and social status thus making it one of the most desirable possessions for Malays. For example, the keris is a symbol of Malay sovereignty. It is also symbolic of the greatness of leaders such as kings and sultans. Weapons are not only for self-defense, but they are also often used in martial arts such as silat. However, the current generation no longer knows how traditional Malay weapons are made and they are not exposed to the way they are made. The objective of this study is to identify the types of traditional Malay weapons in the East Coast and analyze the characteristics found in these weapons. The method to obtain information is done with qualitative and quantitative methods. Finally, this study is very important for future generations to learn about traditional weapons and this study can also be used as a guide to obtain information and scientific materials for all groups of society and be able to know the design of traditional Malay weapons and also the special characteristics found in those weapons.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Dokumentasi senjata tradisional melayu merupakan kajian yang dijalankan projek penyelidikan 2 bagi semester ini. Pendahuluan, latar belakang, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan merupakan elemen yang terdapat dalam bab ini.

### 1.2 Latar Belakang

Senjata boleh mendatangkan kecederaan kepada orang lain jika disalahgunakan. Senjata juga lazimnya digunakan bagi mempertahankan diri dari serangan musuh. Keris, kerambit dan badik merupakan senjata yang juga mampu untuk mendatangkan kecederaan kepada mangsa namun ia bergantung kepada niat pengguna itu sendiri. Jika ia digunakan untuk mempertahankan diri ia tidak disalahkan namun digunakan untuk melakukan jenayah ia akan dianggap sebagai membahayakan. Senjata tradisional digunakan untuk mempertahankan diri dan juga upacara tradisional seperti silat. Beberapa jenis senjata yang gemar digunakan oleh orang dahulu iaitu keris, tombak, badik dan lembing. Namun, senjata yang mendapat sambutan ialah keris. (Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2015).



Rajah 1.1: Contoh senjata tradisional iaitu keris

(sumber: muzium negara)



Rajah 1.2: Contoh senjata tradisional melayu iaitu lembing

(sumber:<http://senibesitajam.blogspot.com/2015/04/lembing-ialah-sejenis-senjata-yang.html>)



Rajah 1.3: Contoh senjata tradisional melayu iaitu kerambit

(sumber: <http://pecintawarisanmelayu.blogspot.com/2017/03/kerambit-senjata-kecil-mematikan.html>)

Senjata tradisional bukan hanya digunakan di Malaysia saja, malah juga sering digunakan dinegara-negara kepulauan melayu seperti Indonesia, Singapura, selatan Thailand, selatan Filipina dan juga Brunei. Seterusnya, keris merupakan simbolik bagi kedaulatan orang Melayu dan ia juga sering digunakan oleh raja-raja dan sultan di Tanah Melayu. Hal ini kerana keris merupakan alat kebesaran diraja. Oleh kerana keris mempunyai nilai warisan dan keasliannya yang sangat mahal, masyarakat dahulu mempunyai kepercayaan iaitu di mana keris akan dicuci dengan air limau pada sesetengah masa akan menjadikan keris tersebut tahan lama dan makin berbisa bilahnya. Hal ini dikenali sebagai upacara mandi keris.

Oleh itu, kajian ini akan mengkaji mengenai ciri-ciri yang terdapat pada senjata tradisional selain itu kaedah penghasilan keris yang diamalkan oleh seorang tukang besi yang berada di pantai timur. Namun kini penghasilan senjata tradisional semakin kurang menarik minat dan tidak mampu menarik perhatian di hati semua lapisan masyarakat walaupun keris merupakan khazanah yang berharga dan telah diturun temurun dahulu lagi



### 1.3 Permasalahan Kajian

Kajian ini akan menerangkan cara atau keadah pembuatan senjata tradisional dan ciri-ciri keistimewaan yang terdapat pada senjata tradisional. Malah juga akan menyebabkan belia kini tidak akan belajar dan memahami kaedah tradisional bagi penghasilan senjata tradisional.

Selain itu, masalah kedua yang menjadi isu ialah belia di Pantai Timur kurang mendapat pendedahan tentang senjata-senjata tradisional Melayu. Malah mereka juga tidak di ajar dan tidak tahu cara pembuatan senjata tersebut dan menganggap senjata tradisional ini satu senjata yang kolot dan ketinggalan zaman.

### 1.4 Persoalan kajian

Persoalan bagi kajian ini merupakan satu kajian bagi menghasilkan satu pendokumentasian tentang cara penghasilan senjata tradisional melayu di sekitar pantai timur. Antara persoalan yang terdapat ialah:

1. Apakah jenis-jenis senjata tradisional melayu yang terdapat di negeri-negeri pantai timur.
2. Bagaimana proses-proses pembuatan atau penghasilan senjata tradisional melayu dijalankan

### 1.5 Obejktif Kajian

Objektif bagi kajian dokumentasi senjata tradisional Melayu di pantai timur merupakan maklumat yang perlu ada didalam sesebuah kajian yang dilakukan. Hal ini untuk memastikan agar kajian yang dijalankan dapat mencapai tujuan yang betul.


Antara objektif kajian ini ialah:

- I. Mengenalpasti jenis-jenis senjata tradisional melayu di pantai timur
- II. Menganalisis ciri-ciri yang terdapat pada senjata tradisional melayu di pantai timur.

### 1.6 Skop Kajian

Kajian ini telah ditumpukan di sekitar pantai timur yang terutamanya tertumpu di negeri Terangganu. Seperti kita tahu, Pantai Timur Malaysia ramai melahirkan pakar besi yang mahir dalam bidang menempa besi seperti senjata tradisional melayu. Oleh itu, terdapat beberapa skop kajian yang dikenalpasi dalam kajian ini ialah:

- I. Skop kajian memfokuskan kepada tukang besi di pantai timur iaitu di negeri Kelantan dan Terangganu.
- II. Kajian ini memfokuskan pada cara pembuatan senjata tradisional Melayu dan ciri-ciri yang terdapat pada senjata tradisional Melayu.



Rajah 1.4: Peta semenanjung Malaysia

(sumber: Ts. Dr Mukhtaruddin bin Musa, 2018)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai dokumentasi senjata tradisional melayu di negeri-negeri pantai timur maklumat kajian yang sangat berharga bagi sesetengah individu dan generasi yang akan datang. Walaubagaimanapun, kajian ini akan membuka mata setiap individu betapa pentingnya senjata tradisional pada masa kini. Antara kepentingan kajian yang terdapat pada kajian ini ialah:

### **1.7.1 Individu**

Kajian ini dapat memberikan maklumat yang mandalam dan juga menjadi rujukan kepada individu yang lain jika ingin melakukan kajian yang seakan sama yang berkaitan tajuk kajian ini. Dalam hal ini, segala data dan info berkaitan dengan kajian ini dapat diperolehi tidak ditokok tambah dan ia merupakan sumber yang sahih dan boleh dipercayai. Oleh itu, kajian ini dapat memberi peluang kepada pengkaji lain pada masa akan datang bagi mengkaji isu yang berkaitan dengan kajian ini. Melalui kajian, pengkaji akan datang dapat memperoleh maklumat dan ilmu kepada pengkaji yang ingin menjalankan kajian berkaitan dengan senjata tradisional.

### **1.7.2 Masyarakat**

Bagi aspek masyarakat, kepentingan kajian ini ialah melahirkan nilai kecintaan dalam jiwa masyarakat iaitu begitu petingnya pembuatan senjata tradisional melayu hari ini. Demikian merupakan, segelinitir masyarakat memberi pandangan negetif berkaitan senjata tradisional melayu yang dianggap kolot. Jika perpepsi sebegini terus

dipandang dipandang serong oleh masyarakat ia akan memberikan kesan yang buruk kepada masyarakat atau generasi yang akan datang

## 1.8 Struktur Laporan

Pada **bab 1** ini definisi kajian akan diceritakan secara menyeluruh. Latar belakang kajian, permasalahan kajian dan juga objektif kajian akan diterangkan didalam bab ini. Terdapat dua objektif kajian yang dinyatakan dalam kajian ini iaitu mengenalpasti jenis-jenis senjata tradisional melayu di pantai timur dan menganalisis ciri-ciri yang terdapat pada senjata tradisional melayu di pantai timur

Didalam **bab 2** pengkaji menyediakan kajian yang telah dijalankan dan kajian yang berkaitan telah dilakukan oleh pengkaji lain berkaitan dokumentasi senjata tradisional melayu di pantai timur. Pengkaji menggunakan sumber internet, jurnal dan juga artikel.

Dalam **bab 3** pula, metodologi kajian akan diterangkan didalam bab ini dan menerangkan bagaimana pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan juga kaedah kuantitatif digunakan bagi memperoleh maklumat. Kaedah temubual dan soal selidik dijalankan dalam kajian ini

Dalam **bab 4** penerangan berkaitan dengan hasil dapatan kajian atau hasil kajian yang telah dilakukan. Pengkaji menerangkan dan menghuraikan berkaitan dengan hasil kajian yang selaras dengan objektif kajian

Dalam **bab 5** rumusan penuh berkaitan kajian telah dilakukan bagi menentukan sama ada objektif kajian tercapai atau tidak. Disamping itu, cadangan dan penambahbaikan telah di usulkan oleh pengkaji di dalam bab ini.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Didalam bab ini akan membincangkan sorotan kajian yang berkaitan sorotan kajian yang berkaitan definisi, latar belakang dan jenis senjata tradisional melayu. Sorotan kajian ini membawa maksud sebagai mengkaji hasil karya yang pernah dilaku oleh pengkaji yang dahulu. Ia perlu berpandukan kajian daripada jurnal, tesis, video dan juga majalah. Rujukan ini boleh didapati daripada internt ataupun perpustakaan. Sorotan kajian merupakan instrumen yang sanagt penting dalam sesuatu kajian. Hal ini demikian kerana, ia dapat membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan juga data yang berkaitan dengan tajuk yang ingin dikaji. Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan rujukan dari jurnal, tesis dan juga temubual bagi mendapatkan maklumat yang penting.

#### 2.2 Jenis-jenis Senjata Tradisional Melayu

Para pengkaji telah mengenalpasti beberapa jenis senjata yang telah digunakan oleh orang Melayu dahulu iaitu keris, tombak, badik dan juga lembing. Namun, generasi muda sekarang hanya mengenali keris berbanding dengan senjata-senjata lain.(Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2015). Keris merupakan senjata yang terkenal dan popular di negeri Kelantan (Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. 2015). Terangganu merupakan negeri yang melahirkan ramai tukang besi yang mahir dalam menghasilkan senjata tradisional seperti badik dan juga kerambit.

### 2.3 Tukang Besi

Kewujudan sistem senjata dalam bahasa Melayu dunia didorong oleh pelbagai pengetahuan dalam artifak ciptaan. Pembuatan produk keluli dibawa oleh Orang Timur Tengah ke Kepulauan Melayu pada abad ke-15 (Gardner (1936, dipetik dalam Shah-rum, 1967); Hill, 1956; Wan Abdul Kadir, 2000). Orang Melayu telah memperlengkapkan diri dengan kemahiran teknologi dan memainkan peranan utama dalam pembangunan pandai besi keluli melalui mereka daya cipta dan tindak balas terhadap keperluan tempatan. Pakar dalam pandai besi dipanggil ‘pandai besi’ atau tukang (Farish & Khoo, 2003; Gardner (1936, dipetik dalam Shahrum, 1967); Hill, 1956; Ismail, 2009; Mubin, 2011; Zakaria, 2007)

Peranan tukang besi kini telah diketepikan akibat ketika era senjata moden melanda dunia dan kini senjata melayu hanya dipamerkan di rumah dan digunakan ketika program rasmi sahaja.(Adnan Jahaya)

Pandai besi merupakan golongan yang membuat senjata tajam untuk kegunaan harian. industri senjata ini telah lama menakluki dunia dimana pandai besi telah dibuktikan pada zaman dahulu.(Sofia Nasir, 2015). Bilangan pandai besi kini semakin bekurangan dan dikuatiri pupus jika tiada lagi generasi mahu mewarisinya (D J Dolasoh, 2015). Pada masa kini, tidak ramai dalam kalangan anak muda meminati pertukangan besi atau pandai besi kerana kerumitan proses untuk menghasilkan sesuatu barang (Mohamad Manzaidi, 2015). Zaman sekarang sukar untuk melihat anak muda tempatan menceburi bidang penghasilan senjata tradisional Melayu (Muhammad Zulsyamimi, 2016)

## 2.4 Ciri-Ciri Senjata Tradisional


### 2.4.1 Keris

Hulu keris merupakan bahagian yang pertama atau lebih dikenalkan spegangan. Hulu keris kebanyakan akan diterapkan dengan motif. Sebagai contoh, keris semenanjung melayu kebiasaannya akan menggunakan motif hulu jawa dewa. Gading gajah, tanduk, tulang dan kayu merupakan bahan yang bagi menghasilkan hulu keris. (Jusoh, M. R. 2021, 12 12)

Mata keris merupakan bahagian kedua terpenting dalam keris. keris di katakan senjata tajam kerana mempunyai kedua-dua mata yang tajam. Bilah mata akan ditempa dari pelbagai bahan yang berlainan. Keris mempunyai dua perbezaan iaitu keris bermata lurus dan berluk. Proses menyempuh akan menyebabkan mata keris lebih kuat. (Jusoh, M. R. 2021, 12 12)

Sarung merupakan bahagian ketiga yang terdapat pada keris. Komponen ini penting dalam memastikan bilah keris tidak sentiasa terdedah untuk memastikan bilah lebih tahan lama dan tidak berkarat. Bukan itu sahaja, sarung keris pada suatu ketika dahulu mempunyai maksud yang tersirat. Sarung keris juga selalunya akan dihiasi dengan motif yang dipengaruhi oleh agama dan kepercayaan sesuatu masyarakat itu sendiri. Ia bukan sahaja diperbuat daripada kayu yang keras seperti kayu Cengal dan Berlian malah ada juga segelintir sarung keris yang diperbuat daripada gading gajah berdasarkan kelas sosial pemakainya. Pembuatan dan penempaan khususnya bilah keris dilakukan oleh Pandai Besi atau Empu dengan pelbagai cara, kaedah dan bahan pembuatannya. (Jusoh, M. R. 2021, 12 12).






Rajah 2.1: Ciri-ciri yang terdapat pada keris

(Sumber: Ts. Dr. Mukhtaruddin bin Musa, 2018)

#### 2.4.2 Kerambit

Secara umumnya bentuk sebuah pisau kerambit memanglah sama, iaitu melengkung tajam dan memiliki sebuah lubang di sebahagian pegangannya (Billy Lorenzia, 2020). Pada aspek bentuk, kurambiak ini berbentuk pisau, bermata satu, pola ini lebih tepatnya seperti kuku harimau, melengkung, dengan mata pisau di dalam (Teddy Wiraseptya dan Vernanda Em Afdhal, 2019). Kurambik dari Minangkabau atau Dataran Tinggi Sumatera memiliki berbagai sudut lengkuk dari hampur 90 darjah sampai 25-30 darjah, ada yang tajamnya dua

sisi dan satu sisi (Ferry Fernando, 2013). Kerambit adalah merupakan pisau yang berbentuk melengkung seperti kuku harimau dan pada pemengangnya ia terdapat lubang untuk memasukkan jari pengguna (Md Saiful Azizie Osman, 2015). Lawi ayam ditakrifkan sebagai senjata melengkung (tetapi bukan sabit), tajam di sepanjang tepi dalam dan luar bilah (kadang kala hanya satu sisi diasah kerana pilihan peribadi), dilengkapi dengan lubang untuk memasukan jari pada gagang (Ismail, 2009). Lekuk biasanya mempunyai lubang atau cincin di atasnya sehingga jari telunjuk, jari tengah atau jari manis (begantung pada pegangan ergonomic individu) boleh dimasukkan untuk cengkaman yang lebih baik (Siti Mastura, Rahimah dan Nor Azlin, 2014). Saiz lawi ayam ialah  $4\frac{3}{4}$  inci hingga 12 inci (Zakaria, 2007). Lebar bagi bilah pula berbeza iaitu dari  $1\frac{5}{16}$  inci hingga  $1\frac{1}{16}$  inci (Shahrudin, 1967). Setiap lawi ayam yang dibuat secara tradisional dibuat berdasarkan ukuran mata pemiliknya manakala lebar pisau berdasarkan jari telunjuk (Mohd Zainuddin dan Syahrim, 2007). Kayu atau tanduk merupakan bahan bagi membuat hulu atau pemegang kerambit (Siti Mastura, Rahimah dan Nor Azlin, 2014).



Rajah 2.2: Bahagian-bahagian yang terpadat pada kerambit

(Sumber: <http://pecintawarisanmelayu.blogspot.com/2017/03/kerambit-senjata-kecil-mematikan.html>)

## 2.5 Kesimpulan

Kesimpulannya, sorotan kajian merupakan kajian-kajian yang lepas berkaitan dengan kajian yang dijalankan iaitu dokumentasi senjata tradisional Melayu di pantai timur. Oleh itu, sorotan kajian menjadi elemen penting didalam sesebuah kajian. Selain itu juga ia berperanan sebagai membina struktur atau rangka penulisan serta mengenalpasti kelemahan yang perlu dielak dan perlu dibaiki. Ia juga turut menyediakan fakta- fakta permulaan kepada sesuatu kajian yang baru. Hal ini juga memberikan pengakji ilmu pengetahuan dan mendapatkan maklumat berkaitan senjata tradisional Melayu.

## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Bagi menjalankan kajian dokumentasi senjata tradisional Melayu di pantai timur ini, pengkaji akan menjelaskan kaedah yang akan digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Kaedah yang pengkaji jalankan iaitu kaedah kualitatif. Kaedah ini merupakan kaedah bagaimana pengkaji mendapatkan maklumat iaitu dengan cara pemerhatian dan juga temu bual yang dijalankan.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Pengkaji lebih memfokuskan kaedah reka bentuk kajian iaitu kaedah campuran bagi memperoleh maklumat yang penting. Kaedah ini akan memberikan maklumat kepada pengkaji dengan cara pengkaji perlu melakukan pemerhatian dan tinjauan terhadap cara pembuatan senjata tradisional dan juga pengkaji perlu menemu bual tukang besi tersebut. Hal ini akan memberikan input dan maklumat yang penting kepada pengkaji untuk menjalankan kajian. Selain itu pengkaji akan menyediakan borang soal selidik tentang penerimaan masyarakat terhadap senjata tradisional.

##### **3.2.1 Kajian Literatur**

bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian yang dilakukan, pengkaji telah mencari maklumat menerusi jurnal-jurnal yang berkaitan senjata tradisional melayu. Kajian lepas ini begitu penting kerana boleh memperoleh maklumat dan menjadi panduan bagi menyelesaikan kajian ini. Ia juga akan memberi maklumat tambahan sebelum melakukan kajian ini yang berkaitan dengan tajuk “dokumentasi senjata tradisional melayu di negeri-negeri pantai timur.

### **3.2.2 Kaedah Kualitatif**

Kaedah kualitatif ini menunjukkan satu kaedah yang bersifat diskriptif. Kajian lapangan dan jenis kajian kes merupakan beberapa jenis kajian yang terdapat didalamnya. temubual, pemerhatian serta analisis dokumen merupakan elemen bagi mendapatkan maklumat(Kamarul Azmi Jasmi, 2012). Menurut Taylor dan Bogdan (1984) data kualitatif berbentuk diskriptif ia berupa perkataan lisan atau tulisan berkaitan perilaku manusia yang dapat diamati. Hasil data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian dan temubual di lapangan. Selain itu, temu bual kebiasaanya akan mendapatkan maklumat tentang pengalaman, sikap, keyakinan dan jugak buah pemikiran penemubual

### **3.2.3 Kaedah Kuantitatif**

Kuantiti dan jumlah merupakan elemen yang terdapat dalam kaedah kuantitatif. Kaedah ini merupakan cara bagi mendapatkan maklumat menerusi soalan yang khusus ditanyakan dan mengutip jawapan dari responde, menganalisis data yang diperolehi. (Creswell, 2008).

## **3.3 Pengumpulan Data**

Mengumpul dan mengukur maklumat dalam sesuatu kajian merupakan definisi bagi pengumpulan data. Dalam kajian ini pengkaji telah memilih kaedah kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif bagi kajian ini diperolehi daripada data primer iaitu pemerhatian, lokasi kajian dan juga temubual manakala kaedah kuantitatif pula menerusi soal selidik kepada responden. Data sekunder pula diperolehi melalui sumber perpustakaan dan sumber internet.

### 3.3.1 Data Primer

Data primer merupakan data utama dalam sesebuah penyelidikan yang mana data dan maklumat ini masih belum diolah dan diubah suai. Data ini merupakan data yang diperoleh secara terus dari sumber utama dan boleh dipercayai dan sahih. Sebagai contoh menjalankan kajian lapangan dan juga menemu bual informan.

### 3.3.2 Data Primer Kajian Kualitatif

i. Lokasi Kajian

Pengkaji memilih lokasi kajian di sekitar negeri-negeri pantai timur. Sehubungan itu, hal ini membuatkan pengkaji untuk turun ke kawasan lapangan bagi mendapatkan maklumat tentang cara pembuatan senjata tradisional melayu.

ii. Temu Bual

Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang senjata tradisional melayu serta cara pembuatannya. Temu bual secara terperinci ini akan dijalankan dengan cara menemu bual tukang besi bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan benar.

### 3.3.3 Data Sekunder

Data sekunder ialah data yang telah dikumpul oleh pengkaji yang lain. Sumber kedua atau sumber sekunder adalah dikumpul menerusi sumber-sumber yang sedia ada sebagai contoh perpustakaan, jurnal dan juga sumber internet.

**i. Sumber Perpustakaan**

Semasa proses kajian ini dilakukan, pengkaji telah mencari sumber di perpustakaan. Rujukan ini bertujuan untuk mengetahui maklumat berkaitan teknologi multimedia yang digunakan di institusi per muzium. Ketika diperpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, pengkaji telah memperolehi beberapa rujukan dan Perbadanan perpustakaan Negeri Kedah antaranya ialah buku ilmiah, jurnal, artikel dan kajian lepas.

**ii. Buku**

Buku merupakan bahan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Pemilihan buku yang bertetapan dengan maklumat yang dicari membantu dalam penghasilan kajian yang lebih baik. Antara buku yang telah digunakan adalah *Keris*.

**iii. Jurnal**

Jurnal merupakan terbitan berkala yang khusus bagi sesuatu perkara, profesion atau bidang yang tertentu. Pengkaji telah menggunakan jurnal untuk mendapatkan maklumat dalam kajian penyelidikan.

**iv. Artikel**

Pengkaji telah menggunakan maklumat daripada artikel untuk mendapatkan maklumat. Artikel boleh diperolehi daripada internet, sumber majalah, mahupun surat khabar. Antara artikel yang diambil adalah daripada internet.

#### v. Sumber Internet

“Preserving Cultural Product Knowledge: The Design Characteristics and Intangible Qualities of Malay Traditional Hand-combat Artifact” merupakan sumber rujukan internet yang menjadi rujukan oleh pengkaji

### 3.4 Proses Kajian

Proses kajian ini bertujuan untuk memperoleh maklumat secara terperinci berkaitan kajian yang dijalankan iaitu pendokumentasian senjata tradisional melayu di negeri-negeri pantai timur. Pendekatan yang digunakan oleh pengkaji adalah menggunakan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif.

### 3.5 Persampelan

Persampelan merujuk kepada sampel yang akan dipilih sekurang-kurangnya mempunyai sifat yang sama dengan populasi di dalam sesuatu penyelidikan. Oleh itu, di dalam kajian ini, pengkaji tidak mengambil kesemua populasi sebagai bahan kajian, namun hanya beberapa bahan dan informan tertentu sahaja yang akan dijadikan sebagai sampel kajian.


#### 3.5.1 Persampelan Kaedah Kualitatif

Dalam kajian ini, temu bual akan dijalankan bersama salah seorang pandai besi bagi mendapatkan maklumat tentang persoalan kajian yang pertama dan kedua iaitu jenis-jenis senjata tradisional dan ciri-ciri yang terdapat pada senjata tradisional.







UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



Rajah 3.1: Carta Alir Bagi Proses Kajian

### 3.6 Instrument Kajian

Instrument merupakan peralatan mahupun kaedah yang digunakan bagi mengumpul maklumat yang diperlukan bagi menjawab objektif kajian. Tujuan penggunaan instrument kajian ini adalah untuk menyimpan rekod dan data ketika kajian dijalankan. Di dalam kajian ini, beberapa instrument kajian telah digunakan bagi memudahkan pengkaji mendapatkan data dan maklumat. Antaranya ialah:

#### I. Kamera

Instrument ini berfungsi untuk mengambil gambar-gambar semasa menjalankan kajian bagi menyimpan maklumat serta sebagai bukti kajian. Gambar yang diambil adalah merangkumi gambar bahan-bahan eksperimen, proses-proses semasa eksperimen dijalankan, lokasi kajian serta gambar informan.

#### II. Perakam Suara

Penggunaan perakam suara digunakan semasa temu bual bersama informan dijalankan. Hal ini supaya setiap perkataan dapat direkod dan disimpan untuk dijadikan sumber rujukan kajian

#### III. Perakam Video

Merekod segala video dan cara penghasilan cara pembuatan senjata tradisional ketika menjalankan kajian lapangan. Rakaman video ini juga dilakukan semasa kaedah temu bual dijalankan ketika membuat senjata tradisional.

#### IV. Buku Catatan

Buku catatan merupakan salah satu instrument yang sentiasa digunakan oleh pengkaji untuk mencatat segala informasi semasa kajian sedang dijalankan. Catatan yang ditulis termasuklah tarikh, masa, lokasi kajian, informan yang terlibat, serta maklumatmaktlumat kajian yang penting.

### 3.7 Analisis Data

Analisis data merupakan suatu kajian yang dijalankan bagi mengubah data hasil dari penelitian menjadi sebuah informasi baharu yang dapat digunakan dalam membuat sesuatu kesimpulan. Data yang diperoleh melalui pendekatan kualitatif akan diproses dan dianalisis bagi mendapatkan kesimpulan data yang tepat.

### 3.8 Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kaedah kualitatif sebagai reka bentuk kajian. Ianya terdiri daripada pengumpulan data primer iaitu temu bual dan lokasi kajian. Malahan, data sekunder bagi kajian ini terdiri daripada sumber perpustakaan, buku, jurnal, artikel dan sumber internet. Selain itu, carta alir digunakan oleh pengkaji bagi menerangkan mengenai proses kajian. Pengkaji juga menerangkan kaedah persampelan dan instrument kajian yang digunakan di dalam bab tiga ini. Akhir sekali, pengkaji melakukan analisis kajian melalui pemerolehan data melalui kaedah kualitatif yang dilakukan.

## BAB 4

### KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan, menghuraikan dan akan menyatakan segala maklumat yang telah diperolehi mengenai kajian yang dilakukan. Segala data yang diperolehi akan dianalisis berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Bahagian ini merupakan bahagian yang utama dalam penulisan kajian ini. Hal ini kerana, pada bahagian dapatan kajian ini, pengkaji akan menerangkan serta merungkai persoalan kajian dan juga objektif kajian yang telah dinyatakan. Dapatan kajian ini merangkumi dua objektif utama iaitu mengenalpasti jenis-jenis senjata tradisional di negeri-negeri pantai timur serta untuk menganalisis keunikan dan juga keistimewaan senjata tradisional di negeri-negeri pantai timur. Bagi mencapai objektif pertama yang dikemukakan, pengkaji telah menemui tukang besi pembuat keris yang tinggal di Besut, Terengganu, kerambit dan badik di Ketereh, Kelantan. Untuk mendapatkan maklumat berkaitan penerimaan masyarakat terhadap senjata tradisional, pengkaji telah melakukan soal selidik terhadap 56 orang responden yang terdiri daripada pelbagai kategori umur, kaum untuk menghuraikan mengenai faktor tersebut. Pengkaji menemui bual 4 orang responden iaitu tukang besi dan juga pengumpul.

Nama	Umur
Puan Rosnawati Binti Othman	56
Encik Rashidi Bin Husin	66
Encik Rudi Bin Jusoh	60
Encik Mustafa Bin Mahmood	59

Jadual 1: Nama informan yang ditemu bual

Menurut temubual yang telah dijalankan bersama tukang besi iaitu Encik Rudi bin Jusoh atau dikenali dengan nama Poksu Di, pelbagai maklumat telah didapati dan ia sangat membantu untuk mencapai objektif pertama dalam penulisan kajian ini.

#### **4.2 Mengenalpasti senjata tradisional yang terdapat di negeri-negeri pantai timur**

Dalam merungkai objektif pertama yang dikaji iaitu untuk mengenalpasti jenis-jenis senjata tradisional, pengkaji telah menemu bual dua orang tukang pandai besi yang bernama Mohd Rudi Bin Jusoh dan Encik Mustafa bin Mahmood. Pengkaji telah turun ke lokasi tempat dimana beliau melakukan pekerjaannya. Temubual telah dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan dalam usaha untuk mencapai objektif pertama.

##### **4.2.1 Rekabentuk hulu senjata tradisional**

###### **4.2.1.1 Hulu keris**

Fungsi hulu keris ialah sebagai pemegang. Hulu keris mempunyai ukuran iaitu sepanjang 8 hingga 10cm. Sarung pula digunakan sebagai menutup mata keris. Ia juga bertindak sebagai melindungi pemakainya daripada luka apabila diselitkan di badan. Bagi bahagian hulu keris, Poksu Di memilih kayu kemuning untuk menghasilkannya. Selain itu, terdapat juga kayu lain yang sering digunakan seperti kayu sena namum ia

juga bergantung kepada permintaan pelanggan. Namun, terdapat juga pelanggan yang membawa kayu pilihan mereka sendiri untuk dijadikan bahan untuk menghasilkan hulu dan sarung.

Bagi menghasilkan hulu, kerja melukis akan dilakukan pada bongkah kayu yang kecil. Sesuai dengan permintaan pelanggan, Poksu Di akan melukis bentuk yang diinginkan dan diminta oleh pelanggan. Setelah itu, kayu tersebut akan diukir dan memastikan saiz hulu tersebut betul dan sesuai. Bahagian bawah hulu akan dikorek bagi menyambungkan antara mata dan juga hulu..

#### **4.2.1.2 hulu kerambit**

Bagi menghasilkan hulu kerambit pula, pengkaji telah menemu bual dan telah melihat sendiri cara pembuatan kerambit yang di lakukan oleh Encik Mustafa Bin Mahmood. Beliau berkata bahagian hulu kerambit perlu diletakkan terlebih dahulu di atas kayu palet. Setelah itu, beliau akan melukis hulu kerambit mengikut bentuk yang diinginkan. Setelah siap melukis, kayu palet tersebut akan dipotong mengikut saiz dan bentuk hulu kerambit yang diminta oleh pembelinya. Pemotongan perlu dilakukan dengan berhati-hati agar tidak berlaku sebarang kecelakaan. Malah beliau berkata lagi, kayu ini perlu dipotong dengan cermat supaya tidak berlaku pembaziran kerana kayu ini harganya yang agak mahal.



Gambar 4.1: Proses melukis lakaran hulu kerambit

(Sumber: Kajian lapangan)

Setelah selesai proses memotong, proses memahat dan mengukir akan dilakukan mengikut ukiran dan bentuk yang diminta oleh pembeli. Selepas itu, beliau akan melakukan proses menyapu gam pada bahagian bilah kerambit untuk meletakkan hulu kerambit bilah. Mesin gerudi tangan akan digunakan bagi menebuk lubang untuk diletakan paku bagi hulu kerambit lebih melekat selepas disapu gam. Seterusnya, beliau akan menggunakan mesin mencanai untuk meratakan bahagian tepi hulu kerambit agar kelihatan bersinar. Kertas pasir akan digunakan untuk melicinkan lagi permukaan hulu kerambit. Gam super glue dan paku akan digunakan dan disapu pada permukaan hulu kerambit bagi membolehkan cat yang akan disemur dapat diserap dengan baik. Hal ini akan menjadikan warna pada hulu kerambit menjadi lebih menarik. Proses yang terakhir ialah menyemur cat pada hulu kerambit agar kelihatan lebih cantik dan berkilat.

#### 4.2.1.3 Hulu Badik



Encik Mustafa berkata, penghasilan hulu badik melalui proses yang sama seperti hulu keris dan juga hulu kerambit. Pada mulanya, beliau akan melakar dahulu bentuk hulu yang ingin dihasilkan pada atas permukaan kayu. Kayu yang sering digunakan ialah kayu kemuning. Kayu ini menjadi pilihan kerana ia mempunyai ketahanan yang sangat kuat. Setelah selesai melakar, beliau akan memotong kayu tersebut mengikut bentuk yang telah dilakar. Setelah selesai memotong, beliau akan membuat satu bulatan pada hulu badik tersebut dan akan menebuknya. Hal ini kerana lubang tersebut akan dimasukan puting badik dan dapat mencantumkan antara hulu dan bilah badik. Setelah selesai, proses melicinkan permukaan hulu yang sudah siap tadi dengan menggunakan kertas pasir. Akhir sekali, proses mengecat hulu badik perlu dilakukan supaya hulu tersebut kelihatan cantik dan kemas.

#### **4.2.2 Reka bentuk bilah senjata tradisional**

##### **4.2.2.1 Bilah Keris**

Antara bahagian yang paling terpenting bagi sesebuah keris ialah bahagian matanya. Poksu Di akan memilih jenis besi terdulu sebelum melakukan proses yang seterusnya. Seterusnya, bahan besi yang hendak ditempa perlu dibersihkan dahulu kotorannya. Sebagai contoh, mata keris yang berpamor dapat dihasilkan, besi tawar iaitu antara besi mempunyai peratusan karbon yang kurang dan lembut jika dibandingkan dengan besi baja atau dikenali sebagai '*steel*' yang mempunyai sifat keras untuk menghasilkan pamor. Bingkai katil merupakan contoh bagi besi tawar manakala besi baja pula merupakan besi konkrit yang biasanya digunakan untuk membuat bangunan. Besi tawar akan dipanaskan dan dipotong.



Gambar 4.2: Proses memotong besi tawar

(Sumber: Rakaman foto dikajian lapangan)

Proses ini akan dikepit dan disusun secara bertingkat dengan menggunakan pengepit besi. Ia akan dipanaskan sehingga terhasilnya merah menyala dan besi tersebut akan diketuk dengan menggunakan penukul agar ia melekat. Seterusnya, besi tawar akan dicelup kedalam sebatian air tanah dan akan dipanaskan semula.. Pukulan dan ketukan dilakukan sehingga kedua-dua bentuk 'U' itu melekat dan bersatu antara satu sama lain. Bagi keris yang berkualiti tinggi, kebiasaanya bahan besi dan pamor tersebut mempunyai lapisan dan ketukan yang bilangannya ratusan bahkan ribu kali lipatan dan ketukan. Dalam penempaan, tahap suhu besi dan pamor perlu cukup panas dan tepat bertujuan mengelakan besi dan pamor menyatu dan tidak retak. Apabila suhu rendah atau lebih tahap kepanasnya juga akan menjadi kecacatan pada bila apabila ditempa.



Gambar 4.3: Besi tawar yang disusun

(Sumber: kajian lapangan)

seterusnya, besi baja akan dipanaskan lalu akan dipotong mengikut saiz bilah keris. Proses ini dikenali sebagai ikat baja dimana besi tawar dan besi baja dipanaskan bersama-sama dan ditempa sehingga bercantum menjadi satu besi. Seterusnya proses menempa akan dilakukan setelah selesai proses ikat baja. Bantuan mesin akan digunakan ketika beliau menempa. Penggunaan mesin ini juga bertujuan untuk mempercepatkan proses menempa.



Gambar 4.4: Proses ikat baja

(Sumber: Rakaman di kajian lapangan)

Mata keris yang ingin dibentuk perlu di tempa dan dipanaskan semula. Bagi menghasilkan puting, proses menempa dan panaskan akan dilakukan berulang kali. Mata keris akan dipanaskan dan dipegang menggunakan pengepit besi pada bahagian puting. Mata keris diletakkan pada tepi bongkah pelapik besi. Mata keris akan diketuk daripada hulu terlebih dahulu bagi menghasilkan luk. Pelanggan boleh meminta jumlah luk yang diinginkan. Bagi mendapatkan luk yang selari, ia perlu duketuk pada tempat yang rata.

MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 4.5: Proses penghasilan puting keris

(Sumber: kajian lapangan)



Gambar 4.6: memastikan luk selari

(Sumber: kajian lapangan)

Besi yang berasingan akan digunakan oleh Poksu Di untuk menghasilkan ganja. Lukisan akan dilukis pada besi terlebih dahulu. Ganja akan dipotong mengikut bentuk dan dikemaskan dan mengikat seperti seekor cicak. Setelah siap, ganja akan dipasang pada keris dan mengemaskan ia supaya kelihatan kemas.

#### **4.2.2.2 Bilah Kerambit**

Masyrakat terdahulu menyatakan kerambit itu kecil senjata yang boleh disembunyikan di tempat tertentu pada badan pengguna. Ia bersaiz  $4 \frac{3}{4}$  hingga 12 inci. Lebar daripada bilah mempunyai perbezaan dari  $\frac{15}{16}$  inci hingga  $1 \frac{1}{16}$  inci. Walau bagaimanapun, tiada maklumat lanjut mengenai saiz selain daripada umum ilustrasi artifak kerambit. Setiap kerambit dicipta secara tradisional berasaskan daripada saiz mata pemilik dan lebar bilah adalah berdasarkan jari telunjuk. Menggunakan badan pemilik pengukuran dipercayai cara terbaik untuk membuat senjata. Setiap kerambit adalah istimewa direka untuk pengguna tertentu, dengan itu menyerlahkan pengetahuan dan kecerdasan tempatan orang Melayu. Bagi proses yang pertama, Encik Mustafa mengatakan bahawa proses pembuatan bilah merupakan bahagian yang perlu dibuat dahulu. Besi akan dipotong terlebih dahulu mengikut saiz yang telah ditetapkan. Setelah besi dipotong, besi perlu dibakarkan terlebih dahulu dalam dapur pembakar. Proses pembakaran akan dilakukan sehingga terhasilnya warna merah pada besi tersebut.



Gambar 4.7 : Proses menempa bilah kerambit

(Sumber: Kajian lapangan)

Seterusnya ialah, mesin air hammer akan digunakan bagi menempa besi tersebut. Dengan menggunakan mesin ini, ia dapat menjimatkan tenaga dan juga dapat meningkatkan masa penempaan berlaku. Setelah selesai menempa, besi tersebut akan dimasukkan semula ke dalam pembakar untuk dipanaskan. Setelah selesai besi dipanaskan, besi tersebut akan penukul akan digunakan untuk menempa dan untuk membentuk bilah kerambit dengan mengikut panjang yang ditetapkan. Proses yang terakhir pula ialah besi yang telah siap ditempa akan di canai bertujuan untuk mengemaskan dan menghaluskan bilah kerambit.

### **4.2.2.3 Bilah Badik**

Menurut Encik Mustafa, proses menghasilkan bilah badik juga perlu menjalani proses yang sama seperti kerambit. Pada mulanya, besi akan dipotong mengikut saiz dan ukuran yang diminta. Setelah dipotong, besi akan dipanaskan dan diletakkan ke dalam api. Hal ini dilakukan kerana untuk memastikan proses menempa akan menjadi lebih mudah dan senang untuk dibentuk. Setelah di panaskan sehingga terhasilnya warna merah pada besi tersebut. Seterusnya besi tersebut akan ditempa dan dibentuk mengikut bentuk. Setelah itu, besi ini akan dimasukkan semula ke dalam api untuk dipanaskan semula. Proses menempa akan dilakukan berulang kali bagi mendapat bentuk dan saiz yang tepat seperti yang di minta. Setelah selesai proses menempa, besi ini akan dicanai agar permukaannya menjadi berkilat dan kelihatan kemas.

### **4.2.3 Reka bentuk Sarung senjata tradisional.**

#### **4.2.3.1 Sarung Keris**

Pada bahagian sarung pula, kayu akan ditebuk lubang dan akan hanya dipotong mengikut saiz dan bentuknya. Menurut beliau, dengan menggunakan teknik ini akan membuatkan sampir lebih kuat dan tahan lama. Selain itu, penelitian dalam penghasilan sampir ini perlu dititik beratkan agar lubangnya sama dan sepadan dengan ganja yang telah dihasilkan. Bagi penghasilan Batang Serunai pula, pertama sekali lukisan perlu dilukis dahulu pada bongkah kayu. Setelah selesai memotong, mata keris akan diletakan diatas kayu tersebut lalu dilukis mengikut luk luk pada kayu tersebut. Akhir sekali proses mencatum akan dilakukan dengan menggunakan gam dan dibiarkan sehingga kering.





Gambar 4.8: Proses pembuatan sampir

(Sumber: kajian lapangan)

Setelah selesai mencantumkan batang serunai dan sampir, kemudian ia kertas pasri dan penyembur cat jernih akan digunakan untuk melicinkan permukaan dan menghasilkan kesan tampak alur kayu pada sarung dengan lebih jelas. Akhir sekali, mata keris dah hulu akan dicantumkan dan akan membentuk sebilah keris yang sempurna.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



Gambar 4.9: Proses penghasilan serunai


(Sumber: kajian lapangan)

#### 4.2.3.2 Sarung Kerambit


Proses pembuatan sarung kerambit mempunyai proses yang seakan sama dengan penghasilan hulu kerambit iaitu bahagian depan bilah perlu diletakan diatas kayu untuk dilukis saiznya terlebih dahulu. Kemudian kayu tersebut akan dipotong mengikut lakaran yang telah dilukis di atas kayu tersebut. Proses memotong ini perlu dilakukan dengan cermat dengan menggunakan gergaji tangan agar mendapat bentuk yang telah dilakar.

Proses yang kedua pula ialah, proses memahat. Proses ini juga memerlukan penelitian yang teliti kerana ingin mendapatkan bentuk yang tepat dengan saiz bilah kerambit. Kayu akan dipahat mengikut bentuk yang telah ditekap pada permukaan kayu. Setelah proses memotong sarung kerambit, gam akan disapu pada bahagian tepi sarung kerambit bertujuan


untuk menggabungkan dan melekatkan dua kepingan bentuk sarung kerambit yang telah dipahat. Sarung kerambit akan dilicinkan dengan menggunakan mesin canai untuk mendapatkan rupa permukaan kerambit yang lebih kemas dan licin. Bagi proses seterusnya, proses yang menggunakan kertas pasir untuk melicinkan lagi permukaan sarung kerambit. Proses ini dilakukan bertujuan memperkemas lagi sarung kerambit agar kelihatan kemas dan cantik. Yang terakhir, Encik Mustafa akan menyembur cat dalam proses mewarnakan sarung kerambit. Cat penyembur ini akan memastikan sarung kerambit kelihatan lebih cantik dan berkilat.



Rajah 1: Diagram ringkasan proses pembuatan keris



Rajah 2: Diagram ringkasan proses pembuatan Kerambit



Rajah 3: Diagram ringkasan proses pembuatan Badik

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

### **4.3 Ciri-ciri yang terdapat pada senjata tradisional.**

#### **4.3.1 Hulu**

Setiap ukiran mempunyai motif yang tersendiri. Seperti sedia maklum hulu mempunyai banyak jenis sebagai contoh hulu tanjong, jawa ayam, coteng, bangsa agung, pekaka, pipit teleng. Setiap hulu ini mempunyai penceritaan yang tersendiri. Selain cerita, bentuk hulu juga menggambarkan bentuk sesuatu objek mengikut kepercayaan agama dan bangsa masing-masing. Oleh itu, setiap hulu mempunyai nilai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri dan menjadi permintaan yang tinggi oleh pengumpul senjata tradisional seperti keris.

Menurut Puan Rosnawati, hulu tajong merupakan hulu yang menjadi antara hulu yang popular dan terpenting kerana ia merupakan hulu yang telah wujud di tanah melayu terutamanya di kawasan pantai timur. Hulu ini pada mulanya merupakan merujuk kepada dewa hindu siva, dan ukirannya yang seakan sama dengan karekter dewa iaitu dewa hindu siva yang terdapat dalam wayang kulit. Namun, kini hulu ini boleh didapati sebagai simbol pada keris raja dan sultan di Malaysia. Hulu ini dianggap ukiran yang paling hebat dan disebabkan ini ia digelar pahlawan. Menurut Puan Rosnawati lagi, ramai orang sering bertukar ukiran hulu ini dengan hulu pekaka. Hulu ini mempunyai motif langkasuka dan daun dewa.



Gambar 4.10: Contoh hulu tajong

(Sumber: Akademi Nik Rashiddin)

Seterusnya, motif hulu coteng. Hulu ini menunjukkan dan mempamerkan ukiran figura yang menggambarkan budaya hindu. Hal ini dapat dilihat pada bentuk tangan yang memegang gendang gemaru iaitu merupakan alat muzik tradisional masyarakat hindu dan sering dikaitkan dengan dewa hindu siva. Hulu ini mempunyai kurang ukiran jika hendak dibandingkan hulu tanjong kerana ukirannya yang mudah. Ukiran pada bahagian kepalanya yang leper, dan hidung figura yang memanjang. Selain itu, terdapat beberapa motif bulat yang dijumpai pada badan hulu coteng ini. Disamping itu, hulu bangsa agung juga

mempunyai motif yang tersendiri. Hulu bangsa agung merupakan hulu lanjutan dari ukiran hulu coteng. Hulu ini mempunyai saiz badan agak lebih besar berbanding hulu coteng. Menurut persepsi Puan Rosnawati, hulu ini mempunyai motif flora jika dibandingkan dengan hulu coteng. Selain itu, janggut dan mahkota telah digunakan dalam ukiran hulu ini kerana ia akan menyebabkan hulu ini akan menjadi bentuk petak. Manakala gig dan taring masih dikekalkan dalam ukiran dan ia membentuk satu ukiran senyuman yang menggerunkan.

Manakala bagi kerambit pula, hulu kerambit seperti sedia maklum tiada sebarang ukiran yang terdapat padanya. Hal ini demikian kerana hulu kerambit hanya mempunyai lubang untuk dimasukan jari pemiliknya sahaja. Struktur hulu kerambit hanyalah mempunyai lubang yang berukuran sama seperti jari telunjuk pemiliknya. Hal ini dapat disimpulkan bahawa hulu kerambit tidak mempunyai corak atau ciri yang tersendiri.

Selain itu, bagi hulu badik pula, terdapat beberapa badik sahaja yang mempunyai corak pada hulunya iaitu badik bugis dan juga badik raja. Kedua-dua hulu badik ini akan dihiasi dengan berlian dan juga emas. Hal ini akan menjadikan badik ini mempunyai nilai yang tinggi dan biasanya bangsawan-bangsawan sahaja yang akan memiliki badik ini.



### 4.3.2 Bilah

Setiap bilah akan menghasilkan pamor yang tersendiri mengikut tukang besi. Pamor ialah bentuk lukisan atau gambaran simbolik yang membawa maksud mengenai daya atau kekuatan ghaib yang tersimpul. Setiap bentuk pamor yang terhasil memberi gambaran motif dan lambing yang sesuai dengan peribadi seseorang individu. Menurut contoh Puan Rosnawati, pamor yang mempunyai bentuk bulat atau lingkaran membawa makna harapan untuk mendapat rezeki, ketenteraman dunia, keluarga dan hati si pemilik keris. Bagi pamor yang berbentuk segi empat atau sudut, melambangkan bahawa pemiliknya mempunyai daya ketahanan yang kuat dari godaan atau serangan yang berbentuk fizikal atau bukan fizikal. Dalam masyarakat Melayu sangat meminati pamor beras tumpah dan hujan panas. Selain itu, lambang pamor yang terdapat pada bilah menggambarkan falsafah yang berbeza dan sesuai dengan pemilik. Bagi bilah yang berpamor hanya untuk mereka yang menjadi pemimpin dan iainya tidak sesuai kepada mereka yang berada di kedudukan yang rendah dalam sesebuah organisasi. Akhir sekali, pamor udang mas sangat popular dan sering dicari oleh pengusaha dan pedagang kerana mereka percaya bahawa ia akan memberikan keuntungan dan kemajuan dalam perniagaan mereka.

Bagi bilah kerambit, kebiasaannya ia mempunyai saiz yang agak kecil dan dapat disimpan di tempat yang tersembunyi. Saiz bilah kerambit berukuran  $4 \frac{3}{4}$  inci hingga 12 inci. Lebar berbeza berbanding bilah berbeza dari  $\frac{15}{16}$  hingga  $1 \frac{1}{16}$  inci. Hal ini menjadikan kerambit antara senjata yang terkecil dan mempunyai bilah yang sangat tajam. Oleh itu, bilah kerambit bersaiz kecil dan mampu untuk mendatangkan kecederaan kepada musuhnya.

Pada bilah badik pula, tidak mempunyai pamor atau corak pada bilahnya. Hal ini menunjukkan bahawa badik tidak mempunyai keistimewaan pada bilahnya. Namun saiz badik yang berukuran 20-25 cm ini juga mampu untuk mendatangkan kecederaan kepada musuhnya.

### 4.3.3 Sarung

Terdapat dua jenis sarung pada senjata tradisional Melayu sebagai contoh sarung yang tiada corak dan sarung yang dihiasi dengan corak. Menurut Encik Rashidi, sarung yang tidak mempunyai sebarang hiasan biasanya dimiliki oleh orang biasa. Berbeza pula dengan sarung yang mempunyai hiasan di atasnya, selalunya sarung ini atau senjata tradisional melayu yang mempunyai sarung yang berhias ini dimiliki oleh orang yang berada sebagai contoh para sultan dan bangsawan. Hal ini dikatakan begitu kerana haisan yang terdapat pada sarung senjata ini akan dihiasi dengan emas dan juga berlian. Hal ini juga akan menjadi lambang kekayaan dan juga lambang kebesaran seseorang. Menurut Encik Rashidi, terdapat kerabat sultan yang telah berjumpa dengan beliau untuk menghasilkan sarung yang dihiasi dengan emas. Dan ada juga yang datang untuk membeli koleksi-koleksi senjata yang dikumpul oleh beliau sendiri.


Menurut Encik Mustafa, kerambit antara senjata yang tiada motif pada sarungnya. Beliau hanya membuat sarung keris yang kosong dan tidak mempunyai apa-apa ukiran padanya. Sarung kerambit hanya akan disembur cat sahaja bagi menjadikan ia kelihatan bersinar dan kemas. Menurutnya lagi, sarung badik pula, kebiasaannya akan dihiasi dengan berlian dan juga emas seperti mana hulunya. Dan badik ini hanya mampu dimiliki oleh orang bangsawan yang kaya sahaja.

struktur	senjata	Keris	Kerambit	Badik
	Hulu	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Motif</li> <li>• Ukiran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada motif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Motif</li> </ul>
	Bilah/mata	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pamor</li> <li>• Berluk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada pamor</li> <li>• Tidak berlok</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada pamor</li> </ul>
	Sarung	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai hiasan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tiada motif</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai hiasan</li> </ul>

Jadual 2: Ciri-ciri senjata tradisional

#### 4.4 Kajian Soal Selidik: Pola Demografi Responden


##### Bahagian A: Demografi Responden



Gambar Rajah 4.4: Bilangan responden mengikut jantina

Berdasarkan gambar rajah 4.11, hasil dari kajian menunjukkan angka responden lelaki lebih ramai berbanding responden perempuan. Responden lelaki berjumlah 33 orang (58.9%) manakala responden perempuan berjumlah 23 orang (41.1%). Hal ini menjelaskan menunjukkan jantina lelaki lebih meminati tentang senjata tradisional Melayu. Hal ini kerana, golongan lelaki lebih cenderung untuk mengetahui dan mendalami tentang ilmu senjata tradisional Melayu berbanding jantina perempuan. Oleh itu, penerimaan masyarakat terhadap senjata tradisional Melayu yang berjantina lelaki ini terdiri daripada 26 orang berbangsa Melayu dan 7 orang berbangsa Cina. Selain itu, jantina perempuan pula terdiri daripada 17 berbangsa Melayu, berbangsa India seramai 3 orang dan bangsa Cina seramai 3 orang. Hal


ini menunjukkan bahawa bukan sahaja bangsa Melayu sahaja yang menerima senjata tradisional Melayu malah terdapat juga bangsa lain turut mengikut perkembangan senjata ini.



Gambar Rajah 4.5: maklumat responden mengikut peringkat umur

Berdasarkan gambar rajah 4.12, menunjukkan jumlah responden yang berumur 21-30 tahun mencatatkan yang tertinggi berbanding dengan umur yang lain. Bilangan umur responden 21-30 tahun adalah seramai 22 orang (39.3%). Bagi umur 31-40 tahun mencatat bilangan kedua tertinggi dengan berjumlah seramai 17 orang (30.4%) responden. Seterusnya bilangan responden yang berumur 50 keatas mencatat seramai 16 orang (28.6%) dan responden yang berumur 41-50 tahun mencatat hanya seorang (1.8%) responden dan merupakan catatan yang terendah. Dalam demografi ini terlihat responden yang berumur 21-30 tahun adalah paling tinggi, ini adalah kerana kecenderungan mereka dalam melakukan kajian tentang keistimewaan yang terdapat pada senjata tradisional

Melayu. Hal ini kerana terdapat sesetengah institusi pendidikan memfokuskan tentang nilai warisan yang terdapat pada senjata tradisional Melayu. Sebagai contoh jurnal Rupa dan Jiwa yang ditulis oleh Ahmad Fauzi Bin Ahmad Azmi. Seterusnya, responden yang berumur 41-50 tahun merupakan jumlah yang paling sedikit kerana golongan ini merupakan golongan yang banyak menghabiskan masa mereka dengan bekerja dan tidak mempunyai masa untuk melayari media massa.




Gambar Rajah 4.6: Bilangan responden mengikut bangsa

Berdasarkan rajah 4.13 menunjukkan bilangan responden yang berbangsa Melayu melebihi bilangannya berbanding dengan bangsa Cina dan India. Bangsa Melayu mencatat seramai 43 orang (77%) responden namun bangsa Cina mencatat seramai 10 orang (18%) responden. Namun bangsa India hanya mencatat 3 orang (5%) responden sahaja. Bangsa

Melayu mencatat jumlah yang tertinggi kerana senjata tradisional Melayu ini merupakan senjata atau khazanah yang melambangkan kedaulatan orang Melayu sejak dahulu lagi. Namun terdapat juga segelintir masyarakat yang berbangsa Cina dan India mengetahui tentang senjata tradisional Melayu ini kerana mereka melakukan kajian dan meminati senjata tradisional ini.


### Bahagian B: Senjata Tradisional dan Keistimewaan



Gambar Rajah 4.7: Jumlah responden yang mengenali senjata tradisional Melayu

Berdasarkan soalan soal selidik, menunjukkan seramai 48 orang (86%) responden menjawab ya pada soalan yang diberikan manakala yang menjawab tidak pula seramai 8 orang (14%) responden. 48 orang responden yang menjawab ya ini terdiri daripada bangsa Melayu yang seramai 43 orang responden, bangsa Cina seramai 4 orang dan bagi

bangsa India pula seramai seorang responden. Hal ini mencatatkan jumlah yang tertinggi dibandingkan dengan jawapan tidak yang dijawab oleh bangsa Cina yang seramai 6 orang responden dan bangsa India seramai 2 orang responden. Hal ini berlaku kerana senjata tradisional Melayu merupakan lambang kepada kedaulatan orang Melayu. Justeru itu, kesemua responden berbangsa Melayu menjawab mengenali senjata tradisional ini kerana senjata ini merupakan senjata yang digunakan oleh nenek moyang mereka pada zaman dahulu.




Gambar Rajah 4.8: Jumlah responden yang mengetahui jenis-jenis senjata tradisional Melayu

Menurut soalan soal selidik ini, keris telah mencatatkan jumlah yang tertinggi dengan jumlah sebanyak 49 orang (88%) responden yang mengenalinya jika hendak dibandingkan dengan senjata-senjata tradisional Melayu yang lain. Selain itu, seramai 8 orang (14%) responden tidak mengenali senjata tradisional Melayu iaitu terdiri daripada




bangsa Cina yang seramai 6 orang responden dan seramai 2 orang responden yang berbangsa India. Ini mencatatkan bahawa jumlah ini merupakan jumlah yang paling sedikit dibandingkan dengan jumlah-jumlah yang lain. Selain itu, jumlah responden yang mengenali kerambit mencatatkan seramai 43 orang (76%) responden dan ia merupakan senjata yang kedua tertinggi manakala bagi badik pulak seramai 30 orang (54%) responden yang mengenalinya. Hal ini menjadikan keris merupakan senjata yang dikenali ramai. Hal ini juga demikian kerana keris merupakan lambang kebesaran bagi sultan dan raja. Selain itu, keris juga merupakan senjata yang mempunyai harga yang begitu tinggi jika dijual kepada pelanggan.



Gambar Rajah 4.9: Jumlah responden yang mengetahui fungsi senjata tradisional Melayu pada zaman dahulu


Hasil dari kajian soal selidik ini menunjukkan bahawa majoriti responden memilih Ya iaitu seramai 48 orang responden (86%). Hal ini kerana fungsi senjata pada zaman kini yang dipamerkan dalam seni mempertahankan diri silat untuk melindungi diri dari serangan musuh. Hal ini sama seperti zaman dahulu bahawa senjata digunakan untuk mempertahankan diri. Oleh kerana itu responden menjawab Ya kerana mereka didedahkan dengan kegiatan seperti seni mempertahankan diri iaitu silat. Selain itu, menurut temu bual bersama Poksu Di, beliau juga mengatakan bahawa senjata tradisional seperti keris ini digunakan untuk mempertahankan diri dari serangan musuh. Bagi responden yang menjawab Tidak pula, yang terdiri dari responden berbangsa India dan Cina tidak mengetahui fungsi senjata ini pada zaman dahulu kerana mereka tidak didedahkan dengan sejarah dan penggunaan senjata ini pada suatu ketika dahulu.



Gambar Rajah 4.10: Jumlah responden yang mengetahui proses pembuatan senjata tradisional Melayu

Menurut kajian soal selidik yang dijalankan, seramai 40 orang responden (72%) mengetahui tentang cara pembuatan senjata tradisional seperti keris, kerambit dan badik. Hal ini menunjukkan responden memilih jawapan Ya paling tertinggi berbanding responden yang menjawab Tidak yang seramai 16 orang responden (28%) sahaja. Hal ini kerana banyak dokumentari tentang pembuatan senjata tradisional ini banyak di layarkan di kaca televisyen. Sebagai contoh dokumentari dalam sebuah rancangan televisyen iaitu Majalah 3. Selain itu, banyak kajian telah dilakukan oleh pengkaji tentang proses pembuatan senjata tradisional yang dilakukan oleh penuntut institusi tempatan. Bagi yang memilih jawapan tidak ini disebabkan mereka tidak didedahkan dengan proses ini. Hal ini kerana mereka sibuk dan tidak mempunyai masa untuk mengikuti perkembangan proses senjata ini. Oleh itu, pelbagai

inisiatif telah dilakukan bagi memberi pendedahan tentang proses pembuatan senjata tradisional Melayu ini.



Gambar Rajah 4.11 : Jumlah responden yang mengetahui bahan yang digunakan bagi menghasilkan senjata tradisional

Menurut jumlah responden berkaitan penggunaan bahan ketika menghasilkan senjata tradisional Melayu mencatatkan responden yang menjawab Tidak lebih tinggi berbanding responden yang menjawab Ya. Jumlah responden yang menjawab Tidak seramai 30 orang responden (54%). Manakala responden yang menjawab Ya pula seramai 26 orang responden (46%). Menurut Poksu Di, bahan untuk menghasilkan sesuatu senjata perlulah menggunakan bahan yang berkualiti tinggi. Sebagai contoh untuk menghasilkan hulu keris memerlukan kayu yang sukar dijumpai iaitu kayu kemuning. Hal ini juga mempengaruhi responden kerana mereka tidak tahu dan tidak pernah lihat sendiri kayu kemuning tersebut. Hal ini juga mempengaruhi responden untuk menjawab Tidak pada soalan bahan yang digunakan ini.


### Bahagian C: Penerimaan Masyarakat Terhadap Senjata Tradisional Melayu



Gambar Rajah 4.12 : Jumlah penerimaan masyarakat terhadap mewariskan ilmu pembuatan

Hasil dari soalan kaji selidik ini mendapati bahawa majoriti responden memilih Ya iaitu seramai 58 orang responden (100%). Hal ini disebabkan kerana mereka tidak ingin ilmu pembuatan ini hilang ditelan kemodenan sekarang. Hal ini kerana ilmu pembuatan ini merupakan ilmu turun temurun sejak dahulu lagi. Selain itu, ilmu ini perlu diwarisi kepada generasi akan datang supaya pembuatan senjata tradisional ini terus kekal dan terus wujud kerana senjata tradisional melayu merupakan lambang kedaulatan bangsa Melayu. Jika ia tidak diwarisi, maka senjata tradisional ini akan pupus dan tidak lagi dapat dipelajari oleh


generasi yang akan datang. Oleh itu, generasi akan datang perlu mewarisi ilmu pembuatan senjata tradisional ini supaya ia tidak pupus ditelan zaman.



Gambar Rajah 4.13: Jumlah penerimaan masyarakat tentang minat mempelajari proses pembuatan

Hasil soalan soal selidik ini mendapati bahawa seramai 54 orang responden (97%) berminat untuk mempelajari tentang proses pembuatan senjata tradisional Melayu dan ia merupakan jumlah yang tertinggi berbanding responden yang memilih Tidak iaitu seramai 2 orang responden sahaja (3%). Masyarakat memilih untuk mempelajari tentang proses ini disebabkan kerana mereka sayang akan warisan yang telah diturun temurunkan oleh nenek moyang sejak dahulu lagi dan ia merupakan kedaulatan masyarakat Melayu. Selain itu, pembuatan senjata tradisional ini mampu untuk menjana pendapatan yang lumayan. Menurut

Puan Rosnawati, sebilah keris mampu mencecah ribuan ringgit. Hal ini kerana keris kini semakin lama semakin kurang kesenian dalam pembuatannya. Oleh itu, khazanah yang ditinggalkan perlu dipelajari agar tidak lapuk dengan arus kemodenan.



Gambar Rajah 4.14: Jumlah cara untuk menarik minat masyarakat muda

Menurut hasil soal selidik yang dilakukan, kempen kesedaran merupakan program yang mendapat sambutan bagi menarik minat semula masyarakat muda untuk menceburi bidang pembuatan senjata tradisional Melayu ini. Seramai 56 orang responden (100%) memilih kempen kesedaran bagi menarik minat masyarakat muda. Hal ini juga kerana melalui kempen sebegini mampu untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya memelihara dan mempelajari seni pembuatan senjata ini. Selain itu, pameran juga merupakan program yang kedua tertinggi iaitu seramai 49 orang responden (88%) memilih pameran sebagai cara untuk menarik semula minat masyarakat generasi muda. Di samping itu, bengkel mencatat nilai ketiga tertinggi dengan jumlah seramai 41 orang responden (73%)

manakala pertandingan hanya 2 orang responden (4%) memilih pertandingan sebagai cara untuk menarik minat generasi muda. Pertandingan merupakan jumlah yang terendah kerana generasi muda kini lebih gemar untuk melihat pameran dan juga kempen kesedaran untuk menarik minat mereka semula.

#### **4.5 Kesimpulan**

Dalam bab dapatan kajian ini, pengkaji telah memperolehi data menerusi kajian lapangan, soalan soal selidik dan juga sumber jurnal. Oleh itu, pengkaji telah menjalankan temu bual beberapa orang informan yang terdiri daripada pengumpul dan pembuat senjata tradisional Melayu. Hasil daripada temubual pengkaji telah mendapat maklumat mengenai proses pembuatan dan juga keistimewaan yang terdapat pada senjata tradisional ini. Seramai 56 orang responden telah menjawab soal selidik dan pengkaji dapat maklumat mengenai penerimaan masyarakat tentang senjata tradisional Melayu.



## **BAB 5**

### **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini menjelaskan berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan dan berkaitan kajian dokumentasi senjata tradisional Melayu di negeri-negeri Pantai Timur

#### **5.2 RUMUSAN**

Setiap senjata tradisional Melayu mempunyai reka bentuk yang berbeza. Selain itu, ciri-ciri yang terdapat pada senjata tradisional Melayu juga mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Hasil kajian yang dilakukan telah menjawab semua objektif dan persoalan kajian. Pengkaji telah mengenal pasti jenis-jenis senjata tradisional Melayu yang terdapat di negeri-negeri Pantai Timur dan pengkaji juga telah mengetahui ciri-ciri yang terdapat pada senjata tradisional Melayu. Oleh itu, objektif kajian ini iaitu mengenalpasti jenis-jenis senjata tradisional Melayu di negeri-negeri Pantai Timur dan menganalisis ciri-ciri yang terdapat di negeri-negeri Pantai Timur telah tercapai. Setiap reka bentuk senjata tradisional mempunyai bentuk yang berbeza di mana keris terdapat luk pada bahagian bilahnya manakala bagi kerambi dan badik pulak tidak berluk. Bagi hulu keris pula terdapat motif yang berlainan seperti hulu tanjong yang terdapat pada hulu keris. Oleh itu, setiap senjata mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

### **5.3 CADANGAN**

Berdasarkan keputusan kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji, pengkaji telah mengenalpasti beberapa kelemahan yang perlu di tambahbaik. Oleh itu, pengkaji akan mengemukakan satu buah fikiran dan cadangan bagi digunakan oleh pengkaji akan datang.

#### **5.3.1 Kajian Akan Datang**

Kajian ini lebih menekankan tentang keunikan dan keistimewaan senjata tradisional Melayu. Hal ini kerana, kurangnya maklumat dan jurnal yang berkaitan tentang kesenian ukiran pada senjata tradisional melayu. Selain itu, kajian mengenai perkembangan proses pembuatan pada masa dahulu dan masa sekarang juga masih kurang. Oleh itu, kajian ini perlu lebih banyak dilakukan bagi menambahkan maklumat dan memudahkan pencarian jika memerlukan maklumat internet. berkaitan senjata tradisional perlu dilakukan. Hal ini kerana, generasi kini akan lebih mudah untuk mendapatkan maklumat serta pengetahuan mengenai dokumentasi senjata tradisional Melayu.

## Rujukan

Abdullah, S. (2008). Manifestasi Keris Dalam Masyarakat Melayu Antara Kebudayaan Dan Agama.

<http://dspace.unimap.edu.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/52393/Manifestasi%20Keris%20dalam%20masyarakat%20Melayu%20antara%20kebudayaan%20dan%20agama.pdf?sequence=1>

Siti Mastura Md Ishak (2014) Preserving Cultural Product Knowledge: The Design Characteristics and Intangible Qualities of Malay Traditional Hand-combat Artifact.

[https://www.researchgate.net/publication/317014782\\_Preserving\\_Cultural\\_Product\\_Knowledge\\_The\\_Design\\_Characteristics\\_and\\_Intangible\\_Qualities\\_of\\_Malay\\_Traditional\\_Hand-combat\\_Artifact](https://www.researchgate.net/publication/317014782_Preserving_Cultural_Product_Knowledge_The_Design_Characteristics_and_Intangible_Qualities_of_Malay_Traditional_Hand-combat_Artifact)

Khamis Mohammad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Abdul Latif Samian. (2012). Keris: Artifak Kejuruteraan Spiritual Melayu.

[https://www.researchgate.net/publication/305228383\\_KERIS\\_ARTIFAK\\_KEJURUTERAAN\\_SPIRITUAL\\_MELAYU](https://www.researchgate.net/publication/305228383_KERIS_ARTIFAK_KEJURUTERAAN_SPIRITUAL_MELAYU)

Adnan Jahaya (2008): Tukang Besi Tradisional Kain Hanyut Dalam Arus Globalisasi.

<https://myrepositori.pnm.gov.my/xmlui/handle/123456789/1306>

Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2015). Keris Semenanjung Melayu "Suatu Pengenalan". Universiti Putra Malaysia.

<http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/40051/>

Aziz, M. K. (2018). Aplikasi Seni Khat dan Jawi Dalam Keris: kajian terhadap keris-keris Melayu di Nusantara.

[https://www.researchgate.net/publication/328017201\\_APLIKASI\\_SENI\\_KHAT\\_DAN\\_JAWI\\_DALAM\\_KERIS\\_Kajian\\_Terhadap\\_Keris-keris\\_Melayu\\_di\\_Nusantara](https://www.researchgate.net/publication/328017201_APLIKASI_SENI_KHAT_DAN_JAWI_DALAM_KERIS_Kajian_Terhadap_Keris-keris_Melayu_di_Nusantara)

Md Saiful Azizi Osman, (2015). Persatuan Seni Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi di Sabah

[https://www.academia.edu/37292221/PERSATUAN\\_SENI\\_SILAT\\_CEKAK\\_PUSAKA\\_USTAZ\\_HANAFI\\_DI\\_SABAH](https://www.academia.edu/37292221/PERSATUAN_SENI_SILAT_CEKAK_PUSAKA_USTAZ_HANAFI_DI_SABAH)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan Universiti Malaysia Kelantan,  
Pengkalan Chepa, Kelantan, Malaysia

April 2011

Appendiks C



KELANTAN

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## BORANG PENYERAHAN NASKHAH LAPORAN PENYELIDIKAN TAHUN AKHIR MUTAKHIR

Kepada,

Dekan,  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan

Penyerahan Naskah Mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir

Saya, Muhammad Akmal B. Azaki No Matrik C19A0279 menyerahkan  
dua (2) naskah mutakhir Laporan Projek Penyelidikan Tahun Akhir bertajuk:  
Dokumentasi senjata tradisional mebayu di Negeri-negeri Pantai Timor  
.....  
.....  
.....

2. Saya dengan ini mengesahkan bahawa segala pembetulan yang perlu telah dilakukan sebagaimana yang telah  
dicadangkan oleh penyelia dan pemeriksa.

Sekian terima kasih




Tarikh: 15/2/2023

**Perakuan Penyelia**

Saya, TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA penyelia kepada pelajar di atas dengan ini memperakukan maklumat yang dinyatakan oleh pelajar adalah benar dan menerima penyerahan tersebut bagi pihak fakulti.

Terima kasih.




Tarikh: 15/2/2023

TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA  
Penyarah Kanan  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
15300 Bachok, Kelantan


UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN